

**UPM-MPSJ perluas kerjasama dalam bidang perhutanan**

**SUBANG JAYA, 5 Jan** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengerakkan Matlamat Ketiga Pelan Strategik UPM 2011-2013 (memperkasakan penglibatan komuniti untuk penjanaan dan perkongsian ilmu) dengan menjalankan kerjasama lebih erat dengan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam bidang perhutanan.

Naib Canselor UPM, Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi berkata jalinan kerjasama antara UPM dan MPSJ itu menekankan aspek penyelidikan, pendidikan, perundingan dan perkhidmatan dalam bidang perhutanan mengikut peranan dan kepentingan organisasi masing-masing.

“Selain pengajaran dan penyelidikan, pengembangan atau extension merupakan salah satu matlamat utama UPM. Menjadi hasrat UPM agar segala kepakaran dan kemahiran serta keupayaan sumber manusia di UPM disebarluaskan bukan sahaja untuk pembangunan universiti tetapi juga untuk kemajuan rakyat dan negara,” katanya.



Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak. Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (jaringan Industri dan Masyarakat) UPM, Prof. Dr. Tai Shzee Yew di sini.

MoU ditandatangani oleh Prof. Dr. Tai bagi pihak UPM manakala MPSJ diwakili oleh Yang Dipertua, Datuk Adnan Md. Ihsan dengan disaksikan oleh Dekan Fakulti Perhutanan UPM, Prof. Madya Dr. Awang Noor Abd. Ghani dan Ahli Majlis MPSJ, Sufari Tinnin.



Dato' Dr. Ir. Radin Umar berkata, kerjasama itu juga membabitkan latihan industri pelajar UPM ke MPSJ, program pembangunan bioenergi, perancangan pembangunan taman rekreasi di tasik (bekas lombong), program penilaian pokok bandar dan sambutan hari perhutanan dunia.

Sementara itu, Adnan berkata, pihaknya bersedia untuk melaksanakan beberapa program hasil perjanjian usahasama antaranya perbandaran lestari, green building, kawalan denggi, pembangunan persekitaran dan perkongsian data maklumat kontraktor.

Beliau berharap, kerjasama kedua-dua pihak itu dapat memberi faedah bersama terutamanya bagi memastikan kelestarian persekitaran terus diperkasa untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat seperti yang disaran oleh kerajaan.

"MPSJ akan memastikan usahasama ini terlaksana agar dapat mengekalkan perbandaran ini sebagai sebuah bandar bestari, kota niaga dan kediaman idaman," katanya.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.  
(Mohd. Martin Abdul Kahar), 03-89466013.**